

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik terperinci bilangan hotel untuk tahun 2015-2018 mengikut pecahan negeri, khususnya, bilangan premis penginapan mengikut taraf/jenis, jumlah bilik, kadar penginapan (*occupancy rate*) dan apakah dasar dan strategi Kementerian untuk memastikan industri penginapan pelancongan kekal kompetitif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik terperinci bilangan premis penginapan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mengikut pecahan negeri, jenis, taraf dan jumlah bilik bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti di Lampiran.

Berdasarkan hasil Kajian Kadar Purata Penginapan Bagi Penginapan Berbayar (*Hotel & Service Apartment*) yang dijalankan oleh Tourism Malaysia, jumlah kadar purata penginapan (*Average Occupancy Rate*) di seluruh Malaysia menunjukkan peningkatan daripada 60.6% pada tahun 2017 kepada 60.8% pada tahun 2018.

Pecahan terperinci kadar purata penginapan bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	NEGERI	2015	2016	2017	2018
		<i>Average Occupancy Rate (%)</i>			
1.	Kuala Lumpur	67.1	66.1	66.1	63.3
2.	Putrajaya	65.7	70.6	73.9	72.1
3.	Selangor	64.7	62.4	60.3	57.2
4.	Penang	63.7	63.9	62.1	62.2
5.	Perak	51.3	49.0	46.3	44.1
6.	Kedah	54.9	59.5	60.3	56.1
7.	Perlis	44.4	36.5	35.4	31.0
8.	Negeri Sembilan	47.9	52.8	55.7	54.2
9.	Melaka	63.3	59.9	60.0	57.3
10.	Johor	58.5	61.0	62.5	58.7
11.	Pahang	79.3	74.6	75.7	78.8
12.	Terengganu	48.7	45.0	45.2	39.9
13.	Kelantan	40.9	43.8	43.8	44.1
14.	Labuan	64.2	64.5	65.3	67.2
15.	Sabah	66.2	55.3	52.6	46.2
16.	Sarawak	57.9	53.4	52.6	48.9
	Purata	61.9	60.9	60.6	60.8

Menerusi Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 yang telah dirangka oleh Kementerian ini, salah satu teras strategik adalah meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelancong melalui perkhidmatan yang berkualiti. Bagi tujuan ini, Kementerian ini menganjurkan Kursus *We Are The Host* khusus kepada petugas barisan hadapan atau *frontliners* bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran khidmat pelanggan yang unggul dan berteraskan budaya Malaysia. Pada masa yang sama, peserta-peserta kursus juga akan diberi

pendedahan tentang dasar dan halatuju industri pelancongan negara. Kementerian ini juga sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa kepada silibus Kursus *We Are The Host* bagi memberi lebih penekanan kepada amalan budaya Malaysia dan memupuk perasaan cintakan negara.

Selain itu, Kerajaan juga sedang berusaha menangani isu yang sering dibangkitkan akibat daripada perubahan arus teknologi semasa seperti isu *home sharing*. Sehubungan itu, Kerajaan telah menubuhkan *Working Group on Home Sharing Economy* di peringkat nasional yang bertujuan untuk membangunkan *Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accomodations* bagi memastikan semua jenis premis penginapan di Malaysia didaftarkan secara sistematik pada masa hadapan dengan mengambil kira elemen pendaftaran, keselamatan, kawalan kacau ganggu, kutipan cukai dan tempoh penginapan. Usaha ini akan mewujudkan persaingan yang lebih adil dalam industri penginapan pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.